

01/05/1999

Penerima Anugerah Tokoh Guru ditambah

Syuhada Choo Abdullah

PENERIMA Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan akan ditambah seorang lagi menjadikan calon anugerah itu berjumlah lima orang tahun ini berbanding empat calon yang menerimanya tahun lalu.

Selain itu, pemilihan penerima anugerah berkenaan kali ini mengambil kira pelbagai kriteria termasuk jantina, daerah dan kumpulan etnik, di samping kelayakan lain yang sudah ditetapkan.

Setiausaha Jawatankuasa Induk Hari Guru 1999, Mohd Anuar Abdul Hamid, berkata ada di kalangan mereka pernah dianugerahkan Tokoh Guru peringkat negeri dan banyak serta lama berbakti dalam bidang pendidikan.

Selain itu, katanya, sambutan Hari Guru 1999 peringkat kebangsaan juga dimeriahkan dengan peraduan menulis cerita kanak-kanak di kalangan guru yang diperkenalkan tahun ini.

Beliau berkata, sebanyak 194 penyertaan diterima bagi peraduan itu yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, dan ditutup pada 15 April lalu.

"Setiap kategori dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu penulisan cerita untuk kanak-kanak tahun satu hingga tiga serta penulisan untuk kanak-kanak tahun empat hingga enam.

"Peraduan menulis cerita kanak-kanak yang menggantikan peraduan menulis esei yang dianjurkan sebelum ini bertujuan memberi peluang kepada guru menghasilkan karya untuk bacaan kanak-kanak. Hasil karya yang terpilih akan dibukukan nanti," katanya ketika ditemui Berita Harian, semalam.

Sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan tahun ini akan berlangsung di Mines Exhibition Centre, Sungai Besi, dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadualkan menjadi tetamu kehormat kali ini.

Sambutan Hari Guru tahun ini bertemakan 'Guru Berkesan Pendidikan Cemerlang' dan kira-kira 3,000 warga pendidik dijadual hadir memeriahkan majlis pelancaran berkenaan.

Menurut Mohd Anuar, antara tetamu yang akan hadir ialah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr Johari Mat, dan timbalannya; Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah, dan timbalannya; pengarah, setiausaha dan timbalan di bahagian; serta pegawai di Kementerian Pendidikan secara keseluruhan.

Selain itu, katanya, pengarah dan timbalan pengarah pendidikan negeri, pegawai pendidikan daerah, guru serta wakil 18 persatuan dan kesatuan pendidikan juga akan turut hadir.

"Enam bekas Ketua Pengarah Pendidikan dan Tokoh Guru Kebangsaan 1998 juga dijemput," katanya.

Selain Tokoh Guru Kebangsaan, Mohd Anuar berkata, penerima anugerah Guru Cemerlang Pendidikan Khas, Guru Inovatif, dan Sekolah Harapan Negara akan turut diumumkan di majlis itu selain penyampaian hadiah kepada johan peraduan menulis cerita kanak-kanak.

(END)